

03/09/2002

Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa puisi terbaik Dr M

PUISI Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa karya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dibacakan pada acara Baca Puisi Merdeka di Putrajaya, Khamis lalu, disifatkan yang terbaik pernah dihasilkan pemimpin itu.

Pensyarah di Jabatan Pengajian Media (JPM), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Rahman Shaari, berkata puisi terbaru Dr Mahathir itu menunjukkan corak pengucapan lebih berseni dan banyak menggunakan perlambangan termasuk gelombang serta taufan.

"Lambang berkenaan digunakan bagi memberi gambaran masalah orang Melayu yang lebih besar iaitu tidak mahu belajar daripada sejarah sekalipun Dr Mahathir tidak menggunakan istilah bangsa itu secara langsung tetapi ia boleh diteka bahawa Melayu yang menjadi sasaran beliau," katanya ketika diminta mengulas puisi terbaru Perdana Menteri.

Dr Mahathir mendeklamasikan puisi Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa pada acara anjuran Biro Tatanegara yang berlangsung pada 28 dan 29 Ogos lalu sempena merdeka manakala isterinya, Datin Dr Siti Hasmah Mohd Ali, membacakan Suara Hati.

Rahman berkata, Dr Mahathir meskipun memulakan puisinya dengan nada pesimis tetapi mengakhirinya dengan nada optimis dan bersikap progresif apabila menyatakan bahawa bangsa Melayu boleh menghadapi cabaran yang mendatang dengan lebih gagah pada masa depan.

"Puisi Dr Mahathir itu juga mempunyai tingkat kekomunikatifan tertinggi iaitu lima sama seperti Sasterawan Negara (SN), Allahyarham Datuk Usman Awang, sehingga orang biasa pun boleh menghayati puisinya sekalipun jika mereka tidak berminat dalam bidang ini," katanya.

Beliau berkata, kecenderungan Dr Mahathir menulis puisi membuktikan genre itu boleh digunakan sebagai saluran untuk memberi nasihat, semangat dan arah dalam perjuangan bangsa Melayu sebagaimana yang menjadi amalan anggota pengarang Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50).

"Dr Mahathir yang selama ini sering diperkatakan kerana ketrampilannya mengungkap idea dalam bentuk ucapan turut membuktikan bahawa beliau tidak mengetepikan puisi dan ini memberi masa depan kepada genre itu," katanya.

Pensyarah Fakulti Seni Persembahan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Abdul Ghafar Ibrahim pula berkata, puisi PM jelas menunjukkan cinta Dr Mahathir kepada bangsanya dan keinginan melihat mereka maju masih membawa sehingga kini.

"Dr Mahathir menggunakan kesempatan beraksi pada acara Baca Puisi Merdeka untuk menasihati bangsa Melayu agar siap siaga menghadapi cabaran yang mendatang pada masa ini dan mengingatkan mereka untuk menolong diri sendiri sebagaimana saranan Allah swt dalam al-Quran," katanya.

Selain itu, katanya, bait puisi nyata menunjukkan bangsa Melayu turut dinasihati untuk tidak bersandar kepada sesiapa demi kepentingan masa depan bangsa dan memelihara harta pusaka agar tidak terlepas ke tangan orang lain.

Ghafar yang menggemparkan dunia persajakan tanah air kerana sajak Tak Tun Tak Tun karyanya turut menterjemahkan puisi Dr Mahathir sebagai suatu amaran kepada orang Melayu agar tidak terbelunggu dalam kemiskinan dan kemalasan.

Orang Melayu diingatkan agar tidak leka diulit mimpi kerana hakikatnya mereka perlu bekerja keras untuk mencapai kemajuan dan serentak itu mesti terus yakin serta percaya kepada kemampuan diri sendiri untuk maju,"

katanya.